

SOALAN NO. 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM]

TARIKH : 31 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah program-program yang telah dilaksanakan/ dirancang oleh JKM kearah pendayaupayaan ekonomi klien/ kumpulan sasar.

JAWAPAN:

Tuan yang Dipertua,

Program-program yang telah dilaksanakan / dirancang oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke arah pendayaupayaan ekonomi klien / kumpulan sasar dalam membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan adalah seperti berikut:

- i. **Productive Welfare** merupakan inisiatif inovasi sosial bagi menggalakkan penerima bantuan Jabatan yang produktif agar berdikari melalui program menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar agar tidak bergantung selamanya kepada bantuan Kerajaan. Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti produk kraf, aksesori wanita, makanan siap proses dan lain-lain. Sejak Productive Welfare dijalankan pada April 2014 sehingga Februari 2015 , seramai 703 orang peserta telah mendapat manfaat dengan purata peningkatan pendapatan purata peningkatan pendapatan melebihi per kapita iaitu RM210.

- ii. **Geran Pelancaran** yang merupakan bantuan sekali gus kepada penerima bantuan JKM yang produktif bagi memulakan projek atau aktiviti ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Geran Pelancaran ini diberikan secara one-off iaitu maksimum sebanyak RM2,700 bagi setiap penerima. Pada tahun 2013, sejumlah RM1.226 juta telah disalurkan kepada 900 orang penerima sebagai modal permulaan untuk memulakan perniagaan. Bagi tahun 2014, sehingga September seramai 282 orang penerima telah menerima Bantuan Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM702,745.
- iii. **Program Pemerkasaan Ekonomi (EEP)** di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan suatu program yang bertujuan menjana pendapatan pelatih OKU di PDK. Sasaran program adalah OKU dewasa yang berada di PDK. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kebolehan, keupayaan, kemampuan serta kemahiran bagi petugas PDK dan OKU dewasa mengikut potensi yang ada dalam diri mereka serta sebagai suatu kaedah untuk memberi pekerjaan kepada OKU di PDK. Antara kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan adalah jahitan baju kurung, sulaman *name tag* dan tuala,

pembuatan beg, sarung kusyen, cadar dan sebagainya. Sejak tahun 2010, seramai 629 OKU telah terlibat dalam program EEP.

- iv. **Job Coach** berperanan untuk membantu OKU dan majikan dalam membuat penyesuaian kepada persekitaran kerja dan bidang kerja, mengambil kira keupayaan OKU supaya OKU dapat bekerja dalam keadaaan selesa dan produktif. Selain itu, peranan *Job Coach* adalah untuk mewujudkan hubungan saling memahami antara pekerja OKU dengan majikan dan rakan-rakan sekerja agar mereka dapat membantu OKU bekerja secara berterusan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan. Bagi tempoh Mac 2012 hingga 2014, seramai 323 OKU telah menyertai program *Job Coach* dan kekal dalam pekerjaan mereka hingga kini.

- v. Terdapat dua **Bengkel Terlindung** iaitu **Bengkel Daya Klang di negeri Selangor** dan **Bengkel Daya Sungai Petani di negeri Kedah**. Penubuhan bengkel ini adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar. Di samping itu, bengkel ini juga ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam

bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka. Pada masa ini, seramai 104 OKU telah menerima perkhidmatan di Bengkel Daya berkenaan.

SOALAN (34)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 31 MAC 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH
[LENGGONG]**

SOALAN :-

**Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]
minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-**

- (a) jumlah pemilik premis perniagaan mengikut kaum di kawasan majlis daerah dan majlis perbandaran seluruh negara; dan
- (b) langkah Kementerian untuk memperbanyakkan permis perniagaan milik Bumiputera.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementeria Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2008 bertarikh 30 Jun 2008 – Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada semua kerajaan negeri dan PBT bagi memberi penjelasan dan panduan mengenai langkah-langkah untuk mempercepat dan mempermudahkan proses pengeluaran lesen dan permit perniagaan kecil. Aktiviti perniagaan kecil dalam kawasan PBT boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti pasar malam, pasar tani, pasar awam/basah, penjaja statik, penjaja bergerak dan ruang niaga di pasaraya/*hypermarket*.

Pada tahun 2014, jumlah lesen perniagaan kecil yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di semua 14 negeri adalah sebanyak 80,902. Negeri Selangor mengeluarkan bilangan lesen perniagaan kecil tertinggi iaitu 21,362 dan diikuti oleh Sarawak (19,131) dan Johor (7,907).

Pada tahun 2013, jumlah lesen perniagaan kecil yang dikeluarkan oleh PBT di 11 buah negeri adalah 54,645.

Bagi langkah Kementerian untuk memperbanyakkan permis perniagaan milik Bumiputera, perkara ini merupakan inisiatif daripada Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing bagi memperkasakan premis perniagaan milik Bumiputera contohnya seperti Majlis Daerah Jeli yang telah melaksanakan premis perniagaan berbentuk Industri Kecil Sederhana (IKS). Keutamaan premis tersebut adalah kepada golongan Bumiputera serta memberi kelonggaran syarat kepada mana-mana peniaga Bumiputera yang ingin bermiaga.